

06 SEP 1996
Belia-Madani
PERDANA MENTERI SAMPAIKAN AMANAT UNTUK BELIA

PETALING JAYA, 6 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan golongan belia yang bakal mewarisi kepemimpinan negara bahawa ilmu pengetahuan yang tinggi adalah kuasa.

Perdana Menteri berkata oleh demikian belia harus menimba pelbagai ilmu bagi melengkapi diri dengan pengetahuan yang tinggi untuk digunakan bagi kepentingan agama, bangsa dan negara.

"Pengetahuan itu adalah kuasa dan kebenaran ini harus dipegang teguh oleh para belia di negara ini," katanya dalam amanat pada buku cenderamata Seminar Belia Madani Penentu Arus Perdana di sini.

Dr Mahathir berkata sebagai pencorak masyarakat dan negara, para belia juga perlu mempunyai sikap positif seperti kreatif, inovatif, berani, berdisiplin, rajin, bertanggungjawab dan komited serta memiliki nilai-nilai mulia seperti jujur, amanah, bersih dan berhemah tinggi.

Hanya dengan adanya sikap dan nilai sedemikian maka usaha untuk membentuk bangsa dan negara maju dapat dicapai, katanya.

Amanat itu akan dipamerkan di Muzium Belia Negara di sini.

Yang DiPertua Dewan Rakyat Tan Sri Mohamed Zahir Ismail semasa merasmikan seminar itu berkata golongan belia perlu lebih sensitif terhadap perkembangan dunia antarabangsa agar bertambah peka dan mampu memajukan masyarakat dan negara setanding negara maju.

Beliau berkata belia yang ingin berjaya perlu menjauhi diri daripada dihindangi masalah sosial seperti dadah, Aids, budaya lepak dan tidak bersemangat.

"Belia yang terlibat dengan masalah sosial telah merosakkan masa depan mereka serta membebankan keluarga dan negara," katanya.

Beliau juga berkata pergerakan belia mampu menjadi penggerak kepada perubahan dan memperjuangkan hak-hak masyarakat.

Sebanyak tujuh kertas kerja akan dibentangkan pada seminar selama tiga hari itu yang dihadiri lebih 60 belia mewakili pertubuhan dan persatuan belia dari seluruh negara.

Antara pembentang kertas kerja pada seminar yang dianjurkan oleh Yayasan Kobena Berhad itu adalah Presiden Pertubuhan Belia Antarabangsa Datuk Wira Mohd Ali Rustam, aktivis sosial wanita Datuk Zakiah Hanum Abdul Hamid dan tokoh wartawan Tan Sri Abdul Samad Ismail.

-- BERNAMA

RZS AKD